

16 AUG 1997

Mahathir - tiba

PERDANA MENTERI TIBA DI SANDAKAN

SANDAKAN, 16 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini petang ini untuk memulakan lawatan dua hari ke Sabah.

Dengan diiringi Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Chong Kah Kiat, Perdana Menteri diberi sambutan meriah dengan hamparan permaidani merah, bunga manggar serta pertunjukan tarian dan muzik tradisi pelbagai kaum di negeri ini sebaik tiba di lapangan terbang Sandakan.

Ketibaan beliau disambut oleh Ketua Menteri Datuk Yong Teck Lee dan Ketua Perhubungan Umno Sabah Datuk Osu Sukam serta pembesar-pembesar negeri.

Dr Mahathir kemudian berlepas dengan sebuah pesawat Nuri ke Hutan Simpan Deramakot, yang merupakan tempat pelaksanaan bagi kaedah pengurangan kesan dalam pembalakan.

Kaedah itu yang dilaksanakan oleh Jabatan Perhutanan Negeri merupakan satu teknik penebangan impak rendah menggunakan sistem kabel udara untuk kerja pengangkutan balak yang telah ditebang, sekaligus meminimumkan kerosakan kawasan persekitaran akibat penebangan itu.

Malam ini, Perdana Menteri dijadual menghadiri satu jamuan anjuran Barisan Nasional Sandakan.

Esok, Dr Mahathir yang juga Presiden UMNO akan merasmikan Konvensyen Umno Sabah di Kota Kinabalu sebelum mengadakan pertemuan dengan pemimpin komponen BN negeri.

Beliau juga dijadual merasmikan Hotel Promenade sebelum ke Kompleks Sukan Likas bagi acara menyaksikan kejohanan badminton Piala Perdana sebelum menghadiri majlis makan malam anjuran BN Sabah.

Perdana Menteri dan isteri akan berlepas ke Kuching pada pagi Isnin ini. -- BERNAMA

KG RH MAI